

TARIKH	25 / 04 / 2014	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	12	RUANGAN	

8 penduduk masih dalam pengawasan MERS-CoV

Johor Bahru: Hanya lapan penduduk Kampung Bintang Laut, Batu Pahat, masih menjalani pengawasan di rumah, berikutan mempunyai tanda awal Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV).

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Datuk Ayub Rahmat, berkata pihaknya sudah membuat saringan kesihatan ke atas 943 orang daripada 1112 pen-

diduk dan hanya lapan yang mempunyai tanda-tanda awal penyakit berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, susulan tiada lagi kes baharu yang direkodkan, pihaknya yakin kampung itu bebas daripada penyakit berkenaan tetapi pemantauan berterusan masih dijalankan.

"Kawasan kampung itu boleh dikatakan sudah bebas daripada penyakit MERS-CoV berdasarkan ti-

ada lagi kes baharu yang dikesan tetapi pihak kami akan terus memantau lapan orang penduduk kampung yang dipercayai masih mempunyai tanda awal penyakit itu.

"Pihak kami juga yakin dan percaya dapat mengawal penularan penyakit itu daripada merebak ke kawasan lain. Baki penduduk yang sudah menjalani saringan kesihatan juga disahkan bebas daripada penyakit terbabit," katanya.